

Berpuak-puak rugikan parti 3

BH 16.1.2000

KUALA LUMPUR: Tindakan mana-mana pihak membentuk 'kem' atau pakatan tertentu bagi menghadapi pemilihan Umno Mei ini, boleh memusnahkan parti, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Pembentukan kem dalam parti merugikan, malah menghancurkan Umno. Kita bersaing antara kawan dalam satu perjuangan. Mengapa kita mesti rasa lawan bukan orang kita hingga tidak bercakap, berpuak atau berkabilah," kata beliau yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, kepada pemberita ketika majlis jamuan Aidilfitri di Wisma Putra, semalam.

Beliau merujuk kepada kesan negatif pemilihan pada 1993 dan 1996 sebagai peringatan kepada semua ahli. Dalam pemilihan 1993 dan 1996, kebanyakan kerusi dimenangi calon yang menyokong satu 'kem'.

Dalam satu mesyuarat 3 Januari lalu, MT memutuskan, Datuk Seri Dr Mahathir dikedahkan sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan ke kerusi Timbalan Presiden.

Ketika ini, beberapa tokoh Umno menyuarakan hasrat bertanding ke tiga kerusi Naib Presiden termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rais Yatim manakala Pemuda Gelang Patah mencalonkan Menteri Besar Johor, Datuk Ghani Osman.

Selain itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, dilaporkan mahu mencabar Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dalam persaingan ke jawatan Ketua Wanita Umno.

Mengenai pemilihan kali ini, Syed Hamid

berpendapat, Umno sepatutnya melihat pertandingan untuk memiliki jawatan dalam parti itu sebagai usaha mewujudkan kepemimpinan terbaik kerana persaingan pada asasnya membabitkan rakan seperjuangan.

Katanya, berdasarkan amalan demokrasi, pertandingan sesuatu yang sihat untuk menentukan kelangsungan kekuatan parti dalam jangka panjang.

"Pertandingan dapat mencungkil bakat terbaik dalam pimpinan kita, tidak kira siapa kerana yang penting, orang itu baik dan berwibawa. Jika orang nampak Umno tidak terbuka, mereka akan bosan dengan kita," katanya.

Selain itu, beliau menaruh keyakinan Umno tidak akan membenarkan perpecahan dalam an berlaku kerana kematangan ahlinya memilih pemimpin mereka.

"Yang penting, dalam pemilihan Mei ini, anggota bahagian dibenarkan membuat keputusan mengenai siapa yang mereka sokong untuk bertanding dalam mana-mana jawatan," katanya.

Syed Hamid percaya, ahli Umno sedar sikap berpuak-puak merugikan parti.

"Faktor setiakawan dan sikap kesaksamaan dalam perjuangan menjadi asas penggerak pertandingan. Siapa nak tawarkan diri, boleh tawarkan diri.

"Selagi ada pencalonan, orang itu boleh bertanding. Kita jangan lihat seolah-oleh pertandingan itu perpecahan. Ahli Umno berhak mencalonkan sesiapa pun.

"Jangan kita gelabah atau melatah dan kata tidak betul apabila seseorang itu dicalonkan. Umno sudah cukup matang," tegasnya.